

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN SENI LUKIS KANAK-KANAK SEKOLAH
RENDAH DAN MENENGAH PERINGKAT KEBANGSAAN
DI IBU PEJABAT LEMBAGA PELABUHAN KELANG
PADA HARI SABTU, 15HB. NOVEMBER, 1986
PUKUL 10.45 PAGI

Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah bt. Osman,
Timbalan Menteri Pengangkutan;

Yang Berbahagia Dato Michael Chen,
Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang;

Yang Berbahagia Hashim Haji Abdullah,
Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Kelang;

Yang Berbahagia Syed Ahmad Jamal,
Pengarah Balai Senilukis Negara;

Yang Berhormat Tuan Haji Onn bin Ismail,
Wakil Rakyat Kelang;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat saya menyertai Majlis yang berbahagia ini. Saya juga bersyukur kerana dengan izinNya juga tuan-tuan dan puan-puan telah dapat menghadiri diri untuk bersama-sama memeriahkan Majlis ini.

2. Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pelabuhan Kelang di atas inisiatifnya menganjurkan pertandingan seni lukis untuk murid-murid sekolah di seluruh Malaysia. Tahniah juga kepada Kementerian Pelajaran dan Balai Seni Lukis Negara kerana telah sama-sama berusaha ke arah menjayakan pertandingan ini. Kepada murid-murid yang telah menyertai pertandingan ini dan kepada yang menang saya mengucapkan tahniah dan syabas.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Anak-anak wajar diberi pendedahan di samping pendidikan formal yang diterimanya daripada sekolah rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Anak-anak juga perlu di tanamkan dengan semangat kesedaran tentang pembangunan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh negara ini. Banyak kaedah dan cara yang boleh kita fikirkan untuk memberi pendedahan kepada anak-anak kita.

4. Pada pendapat saya, pertandingan seni lukis adalah salah satu cara atau kaedah terbaik untuk memberi pendedahan kepada murid-murid. Melalui pertandingan seni lukis, akan wujud semangat kesedaran di kalangan murid-murid tentang sumbangan organisasi-organisasi di negara ini serta khidmatnya kepada rakyat. Oleh itu, saya mengucapkan syabas kepada Lembaga Pelabuhan Kelang kerana telah mengorak langkah ke arah pendedahan aktiviti-aktivitinya kepada murid-murid sekolah. Sebagai pelabuhan utama dan terbesar di negara ini dan dengan aktiviti ekonomi dan sosialnya, ia sememangnya wajar didedahkan kepada pengetahuan murid-murid. Murid-murid pula janganlah hanya sekadar mengetahui tentang aktiviti ekonomi dan sosialnya sahaja, tetapi sejarah penubuhannya serta Iain-lain peranannya juga perlu diketahui. Oleh itu, pemilihan tema lukisan 'Melawat ke Pelabuhan Kelang'¹ dan 'Pelabuhan Kelang - pintu masuk ke Malaysia' adalah dua tema yang sesuai untuk mendedahkan

peranan dan aktiviti pelabuhan Kelang kepada murid-murid sekolah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Pertandingan melukis juga memberi peluang kepada murid-murid menghasilkan lukisan-lukisan dan ciptaan kreatif mereka di samping menjalinkan kemesraan di antara sekolah-sekolah melalui penyertaan. Kita amat memerlukan anak-anak yang kreatif pemikirannya kerana sebagai pemimpin masa hadapan, mereka perlu mempunyai fikiran yang boleh menyaingi arus pembangunan yang pesat.

6. Satu lagi aspek positif yang dapat diperolehi oleh anak-anak melalui kegiatan seni lukis ialah penghindaran daripada gejala-gejala buruk seperti dadah dan kegiatan-kegiatan yang tidak secocok dengan adat-resam budaya kita. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan ketahui, penagihan dadah merupakan masalah serius yang mengancam anak-anak di peringkat sekolah. Adalah diharapkan bahawa dengan penumpuan minat kepada seni lukis, masa lapang murid-murid akan terisi dan dengan ini dapat membantu menghindar murid-murid daripada terjebak dalam kancah penagihan dadah. Dengan fikiran yang kreatif serta dibantu oleh pendidikan agama, saya percaya gejala-gejala ini akan dapat dikurang atau dihapuskan sama sekali.

7. Tuan-tuan dan puan-puan, saya difahamkan bahawa lebih tujuh ribu orang murid-murid sekolah dipelbagai peringkat melawat Pelabuhan Kelang setiap tahun. Ini adalah satu jumlah yang menggalakkan. Sebagai Pelabuhan terbesar negara, Pelabuhan Kelang dapat menyumbangkan banyak pengetahuan kepada murid-murid. Oleh itu, saya menyeru kepada para guru dan ibubapa agar meneruskan program-program lawatan ke tempat-tempat yang difikirkan boleh memberi manfaat kepada murid-murid dalam proses pembelajaran mereka. Lawatan-lawatan seperti ini hendaklah dijadikan sebahagian

daripada aktiviti sekolah yang perlu diberi perhatian oleh para guru dan persatuan-persatuan ibubapa di sekolah masing-masing.

8. Saya juga mendapat tahu bahawa sebelum ini pihak pengurusan Lembaga Pelabuhan Kelang telahpun melancarkan beberapa program secara berterusan untuk murid-murid sekolah dan kini pula sedang merancang Iain-lain aktiviti yang ada kaitan dengan aktiviti-aktiviti murid-murid sekolah. Lembaga Pelabuhan Kelang telah mengeluarkan biasiswa dan dermasiswa untuk para kakitangannya, anak-anak kakitangan dan juga para penuntut yang bukan daripada anak kakitangan LPK untuk melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi dan hadiah-hadiah wang tunai sebagai insentif kepada anak-anak kakitangan yang memperolehi keputusan cemerlang bagi peperiksaan SPM, SRP dan Penilaian Darjah Lima. Syabas LPK, aktiviti-aktiviti terpuji seperti ini hendaklah diteruskan kerana di samping galakan kepada anak-anak, ia juga merupakan sumbangan yang tidak ternilai kepada anak-anak daripada keluarga yang kurang mampu untuk meneruskan persekolahan mereka demi jaminan hidup di masa hadapan.

9. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan LPK, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Balai Seni Lukis Negara kerana memberikan kerjasama untuk menjayakan program ini. Kepada murid-murid yang telah berjaya memenangi pertandingan ini, syabas saya ucapkan dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.
